

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN BUDAYA BENDA MASYARAKAT MELANAU: NILAI
KEBOLEHPASARAN BELUM SEBAGAI CENDERAHATI**

Siti Aishah binti Mohd Iznan

53834

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan
Kepujian
(Pengurusan Seni)
2018**

**KAJIAN BUDAYA BENDA MASYARAKAT MELANAU:
NILAI KEBOLEHPASARAN BELUM SEBAGAI CENDERAHATI**

SITI AISHAH BINTI MOHD IZNAN

53834

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan
dengan Kepujian (Pengurusan Seni)

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL:

**KAJIAN BUDAYA BENDA MASYARAKAT MELANAU:
NILAI KEBOLEHPASARAN BELUM SEBAGAI CENDERAHATI**

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya: **SITI AISHAH BINTI MOHD IZNAN**

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

TERHAD

/ TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penulis
Tarikh:

Tandatangan Penyelia
Tarikh:

Alamat tetap: 23, Ecorich Park, Jalan Tun Hussein Onn, 97000 Bintulu, Sarawak.

Catatan:

*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(SITI AISHAH BINTI MOHD IZNAN)

53834

Pengurusan Seni

Projek bertajuk “**KAJIAN BUDAYA BENDA MELANAU: NILAI KEBOLEHPASARAN PATUNG BELUM SEBAGAI CENDERAHATI**” telah disediakan oleh **Siti Aishah binti Mohd Iznan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima dan diperiksa oleh:

(PUAN RAHAH BINTI HASAN)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi kerana atas limpah kurnia-Nya, saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia bagi projek tahun akhir saya iaitu Puan Rahah binti Hasan yang banyak memberi bantuan dari segi idea dan pengetahuan dengan penuh sabar.

Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada keluarga saya yang turut memberi sokongan dari segi moral agar saya bersabar sepanjang kajian dijalankan terutamanya ayah saya, Encik Mohd Iznan bin Abdullah yang banyak menyumbang pengetahuan beliau. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada informan yang sedia memberi kerjasama kepada saya semasa kajian lapangan dijalankan.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuang yang sama-sama berusaha menyiapkan projek tahun akhir. Mereka turut membantu dari segi pengetahuan dan moral sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga kita berjaya bersama-sama di masa akan datang, dunia dan akhirat.

Jasa semua pihak yang terlibat akan saya kenang sampai bila-bila.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Sejarah Melanau	3
1.1.2 Signifikasi patung <i>belum</i> dalam masyarakat Melanau	6
1.1.3 <i>Belum</i> sebagai seni primitif	8
1.1.4 Jenis-jenis patung <i>belum</i>	11
1.1.5 Fungsi patung <i>belum</i> dalam masyarakat Melanau	16
1.2 Permasalahan Kajian	19
1.3 Persoalan Kajian	20
1.4 Objektif Kajian	21
1.5 Lokasi Kajian	22
1.6 Skop Kajian	23
1.7 Kesimpulan	24

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Budaya benda	26
2.3	<i>Belum</i>	28
	2.3.1 Asal-usul <i>belum</i>	28
	2.3.2 Klasifikasi patung <i>belum</i>	31
2.4	Kraf	32
2.5	Kebolehpasaran	34
2.6	Kesimpulan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	37
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	38
	3.2.1 Kaedah pemerhatian	38
	3.2.2 Kaedah temubual	38
	3.2.3 Kaedah dokumentasi	39
3.3	Kajian Keperpustakaan	40
3.4	Instrumen Kajian	42
	3.4.1 Kamera	42
	3.4.2 Alatan sampingan	42
3.5	Alat analisis	43
3.6	Metode pengumpulan data	46
3.7	Kesimpulan	48

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	49
4.2	Ciri-ciri artistik patung <i>belum</i>	50
4.2.1	<i>Belum Iker</i>	51
4.2.2	<i>Belum Iko</i>	52
4.2.3	<i>Belum Blangan</i>	54
4.2.4	<i>Belum Kulum</i>	56
4.2.5	<i>Belum Duhig</i>	58
4.3	Nilai kebolehpasaran patung <i>belum</i>	60
4.3.1	<i>Belum Iker</i>	60
4.3.2	<i>Belum Iko</i>	62
4.3.3	<i>Belum Blangan</i>	64
4.3.4	<i>Belum Kulum</i>	66
4.3.5	<i>Belum Duhig</i>	68
4.4	Kesimpulan	70

BAB 5 RUMUSAN & CADANGAN

5.1	Kesimpulan bab	71
5.2	Rumusan	73
5.3	Cadangan	75
5.3.1	Penafsiran baru patung <i>belum</i>	75
5.3.2	Gubahan bentuk artistik patung <i>belum</i>	75
5.4	Cadangan untuk kajian akan datang	76

5.5	Penutup	77
BIBLIOGRAFI		79
LAMPIRAN		83

SENARAI GAMBAR

Gambar 1.1: Patung *belum* dalam posisi duduk.

Gambar 1.2: Peta kepulauan Mikronesia, Polinesia dan Melanesia.

Gambar 1.3: Patung ukiran kayu dari kawasan Sepik, Papua New Guinea yang menggambarkan semangat nenek moyang.

Gambar 1.4: *Jin Buta Paie*

Gambar 1.5: *Abun Langit*

Gambar 1.6: *Prenakan*

Gambar 1.7: Peta negeri Sarawak (dipetik dari Australia National University)

Gambar 4.1: Satu set patung *belum* di dalam *rabong* (perahu)

Gambar 4.2: *Belum Iker*

Gambar 4.3: *Belum Iko*

Gambar 4.4: *Belum Blangan*

Gambar 4.5: *Belum Kulum*

Gambar 4.6: *Belum Duhig*

Gambar 4.7: *Belum Iker*

Gambar 4.8: *Belum Iko*

Gambar 4.9: *Belum Blangan*

Gambar 4.10: *Belum Kulum*

Gambar 4.11: *Belum Duhig*

Gambar 5.1: Cadangan gubahan ke atas patung belum untuk dijadikan sebagai cenderahati.

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1: Deskripsi *Belum Iker*

Jadual 4.2: Deskripsi *Belum Iko*

Jadual 4.3: Deskripsi *Belum Blangan*

Jadual 4.4: Deskripsi *Belum Kulum*

Jadual 4.5: Deskripsi *Belum Duhig*

Jadual 4.6: Nilai kebolehpasaran *Belum Iker*

Jadual 4.7: Nilai kebolehpasaran *Belum Iko*

Jadual 4.8: Nilai kebolehpasaran *Belum Blangan*

Jadual 4.9: Nilai kebolehpasaran *Belum Kulum*

Jadual 4.10: Nilai kebolehpasaran *Belum Duhig*

SENARAI CARTA

Carta 3.1: Kaedah pengumpulan data

Carta 3.2: Kaedah keperpustakaan

Carta 3.3: Penggunaan teori untuk mengenal pasti nilai kebolehpasaran patung *belum* sebagai cenderahati

Carta 3.4: Carta metode pengumpulan data yang diaplikasikan oleh pengkaji

ABSTRAK

Kajian bertujuan mengkaji budaya benda masyarakat Melanau iaitu patung *belum* dari segi nilai kebolehpasarnya sebagai cenderahati. Kaedah kualitatif digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian. Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenalpasti penafsiran baru patung *belum* supaya potensi kebolehpasarnya boleh diukur dan diberikan cadangan pengkomersilan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to study Melanau community's material culture, Belum for its value of commercialization as souvenir. Qualitative method is used to carry out this research. The importance of this study is to identify new interpretation for Belum so its potential for commercialization can be measured and proposed.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada patung *belum* yang diukir untuk upacara penyembuhan penyakit dalam masyarakat Melanau Pagan bagi mengenal pasti ciri-ciri artistiknya. Pengkaji bertujuan untuk mengkaji budaya benda masyarakat Melanau iaitu patung *belum* sebagai kraf primitif yang mempunyai nilai kebolehpasaran sebagai cenderahati dalam sektor pelancongan.

Oleh itu, ciri-ciri khas dan nilai artistik yang terdapat pada patung *belum* akan diberi penekanan bagi mengkaji potensinya sebagai kraf dan bukan sebagai medium untuk ritual perubatan Melanau semata-mata. Pengkaji percaya *belum* mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi untuk dijadikan sebagai cenderahati khas untuk tarikan pelancong di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Kaum Melanau mempunyai kraftangan yang bermutu tinggi sejak dahulu lagi. Material yang digunakan seperti buluh, kayu belian, rotan, daun dan empulur pokok sagu serta dihiasi dengan rekaan dan corak yang menarik untuk keperluan harian dan medium untuk upacara ritual. Antara kraftangan yang terkenal adalah seperti *terindak* (topi), bakul *tepuku*, *pela* (pendayung) dan *belum* atau *dakan* (Kurui dan Kaboy, 1989).

Menurut Chong Chin Seng (1987) dalam buku beliau, *Traditional Melanau Woodcarving (Belum) In Dalat, Sarawak*, *belum* adalah gambaran imej penyakit yang diukir daripada empulur sagu atau kayu lembut. Patung *belum* juga wujud

dalam pelbagai rupa bentuk yang telah diukir oleh pengukir bagi menyembuhkan penyakit yang disebabkan oleh *belum* atau *tou*, semangat jahat dalam dimensi ghaib Melanau Pagan.

Seni ukiran tradisional kebanyakan dibuat di atas kayu lembut dan empulur sagu untuk sesetengah upacara. Ukiran ini dikenali sebagai dakan di bahagian Mukah atau *belum* di bahagian Dalat. Struktur material yang lembut membuatkan proses mengukir menjadi singkat dan senang untuk diukir mengikut bentuk yang diingini.

Selain empulur sagu, terdapat juga *belum* yang diukir menggunakan material lain seperti pokok nipah, tulang binatang, tanduk rusa atau pelepas pokok sagu. *Belum* yang diukir daripada tulang dan tanduk pula digunakan sebagai tangkal untuk menangkap ikan, memburu dan sebagainya (Dris, 1991).

Menurut Kurui dan Kaboy (1989), hanya segelintir sahaja yang betul-betul mahir dalam seni ukiran Melanau ini. Seperti *a-bayoh*, mereka bukan sahaja berpengetahuan dalam membezakan bentuk, saiz dan reka bentuk malah mereka juga perlu mengetahui setiap jenis *belum* untuk setiap jenis penyakit.

Bagi menyesuaikan seni ukiran ini dalam pasaran kraf, material yang lebih keras seperti kayu belian dan kayu pelai. Kebelakangan ini, penurunan dari segi kehalusan dan nilai artistik menyebabkan perubahan dari segi pemilihan material (Kurui dan Kaboy, 1989). Maka, perubahan yang berlaku akan menghasilkan kraf yang tidak lagi asli dan menjaskannya nilai artistiknya.

Tambahan pula, kraf Melanau di Sarawak semakin hilang kerana patung *belum* itu sendiri tidak dapat disimpan kerana mampu mendatangkan malapetaka kepada pemiliknya maka kebanyakan *belum* telah dibuang ke dalam sungai atau dibiarkan mereput di hutan (Beavitt, 2006). Orang Melanau yang telah menganut agama Islam atau Kristian tidak lagi mahu mengamalkan amalan Pagan kerana bertentangan dengan kepercayaan mereka.

1.1.1 Sejarah Melanau

Menurut Morris (1989), perkataan Melanau telah digunakan dalam pelbagai bentuk oleh penduduk yang menduduki utara Borneo, barat daya Brunei pada zaman dahulu. Dalam peta yang diterbitkan di Florence, Itali pada tahun 1595, perkataan “Malano” ditulis di sepanjang persisiran di mana terletaknya Sungai Oya, Mukah dan Balingian.

Penduduknya tidak pernah menggelar kaum mereka sebagai Melanau dan perkataan tersebut berasal daripada perkataan Melayu Brunei. Nama tersebut juga wujud di Filipina dan ada yang berpendapat nama “Mindano” yang bermaksud penghuni persisiran pantai berbanding dengan nama seperti Dayak dan Murut yang memberi makna orang bukit atau orang pedalaman.

Charles Brooke (1866) pula mengatakan bahawa Melanau adalah suku yang ramai dan meluas berbanding dengan kaum yang lain seperti Dayak dimana kesannya meluas ke ratusan batu, memenuhi lokasi di bahagian tengah kepulauan (Borneo), memanjang ke bahagian atas Kotei, Banja Massin dan Sungai Kapuas melewati Brunei ke arah utara. Setiap daripada mereka mengamalkan adat dan dialek yang berbeza tetapi keseluruhan bahagian pantai di antara Rajang dan Brunei sememangnya diduduki oleh golongan ini.

Namun, pernyataan tersebut tidak dapat disahkan untuk mengklasifikasikan kaum-kaum di Borneo kerana kesemua orang asli kepulauan Borneo mempunyai fizikal yang hampir sama, maka sesebuah suku itu tidak dapat dibezakan melalui bentuk fizikal mereka. Bahasa, sosial dan budaya di Borneo juga hampir sama antara satu sama lain dan perbezaannya hampir tidak kelihatan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Morris (1991) menyatakan bahawa kewujudan Melanau di Borneo tidak dapat dikenal pasti malah asal-usulnya yang tidak jelas membuatkan para pengkaji mengeluarkan pelbagai pendapat dalam kajian yang dijalankan namun persamaan etnik Melanau dengan etnik lain iaitu Kenyah dan Kayan membuatkan pengelasan tidak dapat dibuat secara spesifik.

Menurut bancian yang dibuat pada tahun 1947, etnik lain dapat dibezakan melalui bahasa, adat, fizikal dan pekerjaan mereka namun Melanau mempunyai kelasnya yang tersendiri kerana mereka bangga dengan adat, bahasa dan pekerjaan (menanam dan memproses sagu) kaum mereka mempunyai kelainan berbanding dengan etnik lain.

Seperti mana populasi di Sarawak sukar untuk dikelaskan mengikut kumpulan etnik dan bahasa, pembahagian populasi mengikut agama juga menghadapi masalah yang sama. Menurut kepercayaan Muslim dan Melayu, kepercayaan dan ritual yang tidak mengikut yang tertulis dalam kitab agama masing-masing seperti Al-Quran atau Injil adalah tiada agama. Secara umumnya, orang Melanau Pagan sendiri mengatakan mereka tiada agama kerana ketiadaan kitab sebagai bukti kepercayaan mereka. Morris menyatakan dalam buku beliau, mana-mana orang yang bukan Muslim atau Kristian adalah Pagan.

1.1.2 Signifikasi patung *belum* dalam masyarakat Melanau



Gambar 1.1: Patung *belum* dalam posisi duduk.

Identiti *belum* dikenal pasti melalui ukirannya seperti bentuk perhiasan di kepalanya, kedudukan tangan dan kaki sama ada duduk, berdiri atau mencangkung, kaki melunjur, tangannya menahan lidah atau berpeluk tubuh. *Belum* juga mempunyai jantina dan ia dikenalpasti melalui rambutnya yang panjang dan duduk dalam posisi bersimpuh (Chong, 1978).


Menurut Aloysius Dris (1991), patung *belum* sangat signifikan dalam kehidupan kaum Melanau. Ia bukan sahaja berkait-rapat dengan budaya tetapi juga mempengaruhi minda dan tingkah laku mereka sebelum kedatangan Islam dan Kristian.

Kaum Melanau percaya bahawa *tou* lebih tinggi kedudukannya daripada *belum* dalam dunia ghaib dan kerap mendatangkan masalah. *Belum* boleh mengganggu dan terganggu sama ada secara sengaja atau tidak. Malah, ia akan mendatangkan malapetaka walaupun tidak diganggu. Ini kerana sebarang masalah yang berlaku di dunia ghaib akan memberi kesan kepada sesiapa yang dianggapnya mengganggu kawasan.

Orang Melanau menganggap *belum* sebagai medium utama untuk penyembuhan penyakit dan kestabilan emosi dan psikologi. Perspektif masyarakat kepada patung *belum* berbeza dimana ada yang menganggap ia hanya sekadar koleksi, arca atau objek seni yang unik namun orang Melanau masih menganggapnya sebagai suatu yang suci, mistik dan mempunyai kebolehan untuk menyembuh penyakit (Dris, 1991).

1.1.3 *Belum* sebagai seni primitif

Chong (1987) mengelaskan *belum* dalam kategori seni Sarawak atau dari sudut pandangan lebih luas, ia tergolong dalam seni primitif Pasifik. Seni primitif Pasifik menurut Galeri Nasional Australia ialah objek tradisional yang datang dari Pasifik yang dikelaskan dalam kategori seni selain daripada artifak. Seni primitif Pasifik merangkumi koleksi seni dalam gugusan kepulauan Mikronesia, Polinesia dan Melanesia.



Gambar 1.2: Peta kepulauan Mikronesia, Polinesia dan Melanesia.



Gambar 1.3: Patung ukiran kayu dari kawasan Sepik, Papua New Guinea yang menggambarkan semangat nenek moyang.

Dalam kajian beliau, Chong (1987) turut mendapati kraf *belum* sangat menyerupai ukiran seni primitif Pasifik dari segi material, teknik ukiran, ekspresi, fungsi dan rupa. Bagi seni ukiran tradisional seperti belum, Dutton (1998) menjelaskan apa-apa seni atau artifak yang dicipta oleh orang asli sesuatu tempat adalah didefinisikan sebagai seni etnografik. Seni etnografik terdapat dalam bentuk lukisan, topeng atau arca berukir yang dibuat untuk ritual sesuatu kepercayaan.